



PEKELILING PESURUHJAYA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

BILANGAN 2 TAHUN 2025

PEMBERITAHUAN PELANGGARAN DATA

ISI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.	Tujuan	2
2.	Latar belakang	2
3.	Tafsiran	2
4.	Pemberitahuan pelanggaran data peribadi kepada Pesuruhjaya	3
5.	Pemberitahuan pelanggaran data peribadi kepada subjek data	6
6.	Kewajipan pengawal data untuk menjalankan penilaian pelanggaran data peribadi	7
7.	Obligasi pengawal data	8
8.	Penyiasatan oleh Pesuruhjaya	8
9.	Penalti	8
10.	Tarikh kuat kuasa	9

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan berhubung tatacara pemberitahuan pelanggaran data peribadi oleh pengawal data kepada Pesuruhjaya dan subjek data serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

2. LATAR BELAKANG

- (1) Subseksyen 12B(1) Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [*Akta 709*] memperuntukkan berhubung obligasi pengawal data untuk memberitahu Pesuruhjaya dan subjek data sekiranya pengawal data mempercayai bahawa pelanggaran data peribadi telah berlaku.
- (2) Pemberitahuan kepada Pesuruhjaya hendaklah dilaksanakan dengan secepat yang dapat dilaksanakan mengikut tatacara yang diperuntukkan dalam Pekeliling ini.
- (3) Subseksyen 12B(2) Akta 709 memperuntukkan bahawa sekiranya pelanggaran data peribadi mengakibatkan atau berkemungkinan mengakibatkan apa-apa kemudarat yang ketara kepada subjek data, maka pengawal data hendaklah memberitahu pelanggaran data peribadi kepada subjek data mengikut cara dan dalam bentuk yang diperuntukkan dalam Pekeliling ini.

3. TAFSIRAN

- (1) Bagi maksud pemakaian pekeliling ini :

- (a) “**nombor pengenalan**” ertiya nombor kad pengenalan, nombor pasport atau mana-mana nombor dokumen pengenalan diri lain yang dikeluarkan oleh Kerajaan sebagai bukti kewarganegaraan atau tempat tinggal individu;

- (b) “**pegawai perlindungan data**” ialah individu yang dilantik oleh pengawal data atau pemproses data di bawah seksyen 12A Akta 709;
- (c) “**pelanggaran data peribadi**” ertinya seperti yang ditakrifkan di bawah seksyen 4 Akta 709 dan tidak terhad kepada pengubahan, penyalinan, pengubahsuaian atau pemusnahan;
- (d) “**subjek data yang terjejas**” ertinya mana-mana subjek data yang data peribadinya terjejas disebabkan oleh pelanggaran data peribadi;
- (e) “**berskala signifikan**” ertinya pelanggaran data peribadi dianggap sebagai “berskala signifikan” jika bilangan subjek data yang terjejas melebihi 1,000 subjek data.

4. PEMBERITAHUAN PELANGGARAN DATA PERIBADI KEPADA PESURUHJAYA

- (1) Pengawal data yang mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa pelanggaran data peribadi telah berlaku, hendaklah dengan secepat yang dapat dilaksanakan memberitahu Pesuruhjaya berhubung pelanggaran data peribadi itu.
- (2) Pemberitahuan pelanggaran data peribadi hendaklah dibuat mengikut cara dan dalam bentuk yang ditentukan oleh Pesuruhjaya dalam Garis Panduan Perlindungan Data Peribadi : Pemberitahuan Pelanggaran Data (“Garis Panduan”).
- (3) Pelanggaran data peribadi dianggap mengakibatkan atau berkemungkinan mengakibatkan kemudaratian yang ketara jika terdapat risiko-risiko yang berikut :

- (i) boleh mengakibatkan kecederaan fizikal, kerugian kewangan, kesan negatif ke atas rekod kredit, kerosakan atau kehilangan harta benda;
 - (ii) boleh disalah guna untuk tujuan yang menyalahi undang-undang;
 - (iii) mengandungi data peribadi sensitif;
 - (iv) mengandungi data peribadi dan maklumat peribadi yang apabila digabungkan berpotensi untuk membolehkan penipuan identiti; atau
 - (v) berskala signifikan.
- (4) Dalam tempoh tujuh puluh dua (72) jam daripada pelanggaran data peribadi, pengawal data hendaklah mengemukakan kepada Pesuruhjaya maklumat seperti yang berikut:
- a) butiran pelanggaran data peribadi yang telah berlaku termasuk-
 - (i) tarikh dan masa pelanggaran data peribadi disedari oleh pengawal data;
 - (ii) jenis data peribadi dan pelanggaran data peribadi;
 - (iii) kaedah mengenal pasti pelanggaran data peribadi yang dipercayai sebagai punca pelanggaran data peribadi;
 - (iv) jumlah subjek data yang terjejas;
 - (v) anggaran rekod data yang terjejas; dan
 - (vi) sistem data peribadi yang terjejas yang menyebabkan pelanggaran tersebut berlaku;

- b) kemungkinan yang berlaku akibat daripada pelanggaran data peribadi;
 - c) kronologi insiden yang menyebabkan kehilangan kawalan ke atas data peribadi;
 - d) langkah-langkah yang diambil atau dicadang untuk diambil oleh pengawal data bagi menangani pelanggaran data peribadi tersebut termasuk langkah-langkah yang diambil atau akan di ambil untuk mengurangkan kemungkinan kesan buruk pelanggaran data peribadi;
 - e) langkah-langkah yang diambil atau dicadang untuk diambil untuk menangani subjek data yang terjejas; dan
 - f) butiran pegawai perlindungan data atau maklumat perhubungan lain daripadanya tentang pelanggaran data peribadi boleh diperolehi.
- (5) Jika pemberitahuan pelanggaran data peribadi oleh pengawal data kepada Pesuruhjaya di bawah perenggan 4(1) tidak dibuat dalam tempoh tujuh puluh dua (72) jam, pengawal data hendaklah menyatakan sebab-sebab bagi kelewatian itu dan disertai dengan bukti sokongan.
- (6) Sekiranya dalam hal keadaan yang tidak mungkin pengawal data untuk memberikan maklumat yang disebut dalam perenggan 4(4) pada masa yang sama, maklumat ini hendaklah diberikan kepada Pesuruhjaya secara berperingkat secepat yang dapat dilaksanakan dan tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari dari tarikh pemberitahuan yang dibuat di bawah perenggan 4(1).
- (7) Pengawal data hendaklah menyenggarakan suatu rekod berhubung pemberitahuan pelanggaran data peribadi dalam bentuk fizikal dan elektronik. Rekod tersebut hendaklah disimpan selama sekurang-kurang dua (2) tahun dari tarikh pelanggaran data peribadi berlaku.

- (8) Pesuruhjaya boleh mengarahkan pengawal data untuk mengemukakan rekod tersebut atau mana-mana dokumen laporan apabila diminta selaras dengan seksyen 121 Akta 709.

5. PEMBERITAHUAN PELANGGARAN DATA PERIBADI KEPADA SUBJEK DATA

- (1) Pengawal data hendaklah memberitahu pelanggaran data peribadi yang berlaku kepada setiap subjek data sekiranya pelanggaran data peribadi itu tersebut mengakibatkan atau berkemungkinan mengakibatkan kemudaratan yang ketara kepada subjek data tanpa mengira skala signifikan pelanggaran data peribadi tersebut.
- (2) Dalam masa tujuh (7) hari selepas pemberitahuan pelanggaran data dibuat oleh pengawal data kepada Pesuruhjaya, pengawal data hendaklah mengemukakan kepada subjek data yang terjejas maklumat-maklumat seperti yang berikut:
- (a) maklumat mengenai pelanggaran data peribadi yang telah berlaku;
 - (b) butiran kemungkinan yang berlaku akibat daripada pelanggaran data peribadi;
 - (c) langkah-langkah yang diambil atau dicadang untuk diambil oleh pengawal data bagi menangani pelanggaran data peribadi, termasuk langkah yang bersesuaian untuk mengurangkan kemungkinan kesan buruk akibat pelanggaran data peribadi;
 - (d) langkah-langkah yang boleh diambil oleh subjek data yang terjejas untuk menghapuskan atau mengurangkan sebarang kemungkinan kesan buruk akibat pelanggaran data peribadi; dan

- (e) butiran pegawai perlindungan data atau maklumat perhubungan lain, yang daripadanya maklumat lanjut mengenai pelanggaran data peribadi boleh diperolehi.
- (3) Pengawal data hendaklah memberitahu setiap subjek data yang terjejas dalam apa-apa cara yang difikirkan praktikal dan menggunakan bahasa yang mudah difahami bagi membolehkan setiap subjek data itu mengambil langkah berjaga-jaga atau tindakan lain yang perlu bagi melindungi diri daripada kemungkinan kesan buruk akibat pelanggaran data peribadi tersebut.
- (4) Sekiranya pemberitahuan yang telah dibuat tidak praktikal atau memerlukan usaha yang tidak setimpal, pengawal data boleh menggunakan kaedah pemberitahuan alternatif seperti komunikasi awam atau mana-mana kaedah yang serupa yang melaluinya subjek data boleh diberitahu mengenai pelanggaran data peribadi dengan cara yang lebih berkesan. Usaha yang tidak setimpal telah ditakrifkan di bawah Garis Panduan.

6. KEWAJIPAN PENGAWAL DATA UNTUK MENJALANKAN PENILAIAN PELANGGARAN DATA PERIBADI

- (1) Pengawal data hendaklah mengambil langkah yang munasabah untuk menyiasat punca pelanggaran data peribadi serta segera melaksanakan langkah pemulihan atau tindak balas untuk meminimumkan risiko pelanggaran data peribadi.
- (2) Berdasarkan dapatan daripada perenggan 6(1), pengawal data hendaklah menilai kelemahan yang menyebabkan pelanggaran data peribadi dan melaksanakan tindakan pembetulan dan tindakan pencegahan yang sewajarnya bagi mengelakkan pelanggaran tersebut berulang.

7. OBLIGASI PENGAWAL DATA

- (1) Perenggan 4(1) hendaklah terpakai berhubung obligasi pengawal data di bawah peruntukan mana-mana undang-undang bertulis untuk memberitahu mana-mana orang lain (termasuk agensi Kerajaan) tentang berlakunya pelanggaran data, atau memberikan apa-apa maklumat yang berkaitan dengan pelanggaran data.
- (2) Pengawal data hendaklah, melalui kontrak atau cara lain yang munasabah, menetapkan kewajipan untuk pemproses data untuk memberitahu dan menyediakan semua bantuan yang munasabah dan perlu kepada pengawal data dalam mematuhi kewajipan di bawah Akta 709.

8. PENYIASATAN OLEH PESURUHJAYA


Selaras dengan seksyen 105 Akta 709, Pesuruhjaya boleh menjalankan suatu penyiasatan berhubung dengan pengawal data untuk memastikan sama ada perbuatan, amalan atau permintaan itu melanggar peruntukan Akta 709.

9. PENALTI

Mana-mana pengawal data yang tidak membuat pemberitahuan pelanggaran data peribadi kepada Pesuruhjaya seperti di subseksyen 12B(1) Akta 709, pengawal data boleh dikenakan denda yang tidak melebihi RM250,000.00 atau penjara selama tempoh yang tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya sekali.

10. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh 1 Jun 2025.


(PROFESOR DR. MOHD NAZRI BIN KAMA)
Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi

No. Fail : PDP.(S).100-1/1/4 Jld. 2 (4)